

**Adun Pelabuhan Klang sekali lagi jadi tumpuan
Malaysiakini.com
March 8, 2007**

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Pelabuhan Klang Datuk Zakaria Deros sekali lagi menjadi tumpuan, kali ini di pentas perundangan, berhubung dakwaan mencuri pasir dari tanah di Batu 13, Taman Sri Puchong milik sebuah syarikat, Masmanis Sdn Bhd.

Pengarah Masmanis Sdn Bhd, mendapat kebenaran daripada Mahkamah Rayuan semalam untuk memasukkan dakwaan itu, yang terkandung dalam dua laporan polis, sebagai keterangan baru untuk digunakan terhadap Zakaria, isterinya dan dua anak lelakinya.

Menurut Bernama, laporan polis itu dibuat oleh kontraktor Gan Kien Hiap dari Chuen Lee Construction and Trading Sdn Bhd yang mendakwa Gan berurusan dengan Zakaria dan pembantunya Shohimi Shafie dan membayar tidak kurang daripada RM200,000 sebagai sebahagian pembayaran kepada Zakaria dalam urusan pengambilan pasir di tanah Berkenaan.

Satu lagi laporan dibuat oleh Pengurus Masmanis, Mohd Izanee Ismail berhubung aktiviti perlombongan di tanah itu.

Mahkamah juga membenarkan akuan berkanun Shohimi bahawa beliau bertindak atas arahan Zakaria, untuk dimasukkan sebagai keterangan baru.

Keterangan baru itu akan dikemukakan oleh pengarah berkenaan terhadap Zakaria dan keluarganya dalam prosiding rayuan untuk mengubah keputusan mahkamah yang menolak permohonan injunksi yang dikemukakan Zakaria untuk menghalang pengarah berkenaan daripada berurusan di tanah itu, yang beliau dakwa miliknya.

Keterangan baru

Panel hakim Tengku Datuk Baharuddin Shah Tengku Mahmud, Datin Paduka Zaleha Zahari dan Datuk Heliliah Mohd Yusof membenarkan permohonan itu.

Pengarah berkenaan ialah Datuk Muhamad Fasir @ Fasri Samsudin, Mohd Ariff Taib, Datuk Daud Mohd Deros, Mhd Tajuddin Mhd Taha, Hassan Hussin dan Bright Enrich Sdn Bhd, pemegang saham dalam Masmanis akan mengemukakan keterangan baru itu dalam prosiding rayuan.

Pada 7 Jun, 2002, Zakaria, yang nama lainnya ialah Zainal Md Deros, isterinya Datin Zizah Ngah dan dua anaknya Zaidi dan Zainuri, memfailkan saman di Mahkamah Tinggi terhadap pengarah berkenaan mempertikaikan pemilikan saham tertentu dalam Masmanis.

Bekas anggota Majlis Perbandaran Klang itu juga memohon injunksi untuk menghalang pengarah berkenaan daripada mengendalikan urusan Masmanis serta urusan di tanah milik syarikat itu.

Pada 18 Jun, 2002, Zakaria berjaya memperoleh injunksi ex-parte (satu pihak) untuk menghalang pengarah berkenaan daripada berurusan di tanah itu tetapi gagal mendapatkan injunksi inter-parte (antara pihak) pada 18 April 2005.

Tunggu rayuan

Mahkamah Tinggi turut menolak permohonan Zakaria bagi menangguhan perintah tidak membenarkan injunksi inter-parte sementara menunggu perbicaraan rayuannya di Mahkamah Rayuan tetapi memerintahkan pengarah berkenaan supaya tidak berurusan dengan saham dan tanah syarikat itu sementara menunggu keputusan rayuan itu.

Peguam yang mewakili pengarah berkenaan, Datuk Cecil Abraham berhujah keterangan baru itu adalah bahan penting dalam rayuan itu dan bahawa permohonan injunksi Zakaria dibuat dengan niat jahat dan bermotifkan kepentingan peribadi.

Zakaria mendakwa tanah itu miliknya dan bahawa beliau telah mengarahkan Shohimi untuk membantu dalam mendapatkan kelulusan daripada Pejabat Tanah Petaling dan Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi perlombongan pasir di tanah itu.

Zakaria menjadi tajuk berita dalam media pada tahun lepas berhubung pembinaan banglo mewah tanpa kelulusan pelan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/64226>